

NO. SOALAN: 80

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]

TARIKH : 3 OGOS 2017 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Idris Bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah wang zakat Yayasan Tabung Haji yang diagih kepada asnaf di seluruh negara dan berapakah nilai dan bilangan asnaf yang diagih di dalam Parlimen Bukit Gantang.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Yayasan Tabung Haji diwujudkan bagi memperkasakan lagi pelaksanaan program tanggungjawab sosial korporat (CSR). Inisiatif ini memperlihatkan keprihatinan Lembaga Tabung Haji (**TH**) sebagai sebuah institusi Islam ikonik negara dalam melestarikan ekonomi ummah khususnya golongan asnaf.

Selain itu, program ini juga sebagai platform bagi **TH** untuk mendekati serta membantu golongan yang memerlukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yayasan Tabung Haji telah menerima jumlah keseluruhan RM22.1 juta daripada penyumbang-penyumbang yang terdiri daripada pihak pertubuhan bukan Kerajaan (NGO's), orang perseorangan serta **TH** bagi melaksanakan Program Ziarah Kasih Ramadan 2017. Daripada jumlah tersebut, pihak **TH** telah menyalurkan RM7.0 juta daripada baki wang zakat 2016 **TH**.

Keseluruhannya seramai 94 ribu orang yang terdiri daripada asnaf, golongan kurang berkemampuan, ibu tunggal, orang kelainan upaya (OKU) dan sebagainya telah mendapat manfaat daripada program murni ini di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 750 orang asnaf dari Parlimen Bukit Gantang telah menerima manfaat dengan agihan keseluruhan berjumlah RM150,000.

Sekian, terima kasih.